

25/03/2000

83 bahagian calonkan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lebih separuh daripada 165 bahagian Umno yang bermesyuarat, termasuk empat hari ini, mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mempertahankan jawatan presiden parti pada pemilihan Mei ini.

Perdana Menteri mendapat 83 pencalonan hari ini termasuk dari Umno Bahagian Kuala Kedah (Kedah), Pasir Mas (Kelantan) serta Kuala Terengganu dan Marang (Terengganu).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pula memperolehi tiga lagi pencalonan untuk jawatan timbalan presiden, menjadikan jumlah pencalonan yang diperolehi setakat ini 82.

Bahagian Pasir Mas tidak mencalonkan Abdullah, sebaliknya memilih Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan timbalan dan naib presiden.

Bagi jawatan naib presiden, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak kini mendapat 79 pencalonan, termasuk tiga hari ini dari bahagian Kuala Kedah, Kuala Terengganu dan Marang.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pula mendapat 46 pencalonan; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (35) dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam (22).

Menteri Luar, Datuk Seri Abdul Hamid Albar yang mendapat dua pencalonan hari ini mengumpul 15 pencalonan; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad (16), Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib (14); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (10).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula kini mendapat sembilan pencalonan, Tengku Razaleigh (3) manakala Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, yang mengumumkan tiga bertanding kekal dua pencalonan.

Bagi jawatan Ketua Pemuda, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, terus mendapat sokongan apabila memperolehi sembilan pencalonan hari ini.

Pemangku Ketua Pemuda itu kini mendapat 124 pencalonan, manakala Ketua Pemuda Bahagian Tanjong, Raja Munir Shah Raja Mustapha, yang turut menawarkan diri kekal satu pencalonan.

Bagi jawatan Naib Ketua, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir mendapat 96 pencalonan, termasuk enam hari ini.

Pengerusi Majlis Latihan dan Kemahasiswaan Pemuda, Zein Ismail Ismail, pula mendapat 23 pencalonan; Ketua Pemuda Pahang, Mustafa Khalid (6) dan Ketua Pemuda Perlis, Zahidi Zainul Abidin (1).

Bagi jawatan Ketua Wanita, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, mendapat empat lagi pencalonan dari bahagian Setiu dan Kuala Nerus (Terengganu) Langkawi (Kedah) dan Kota Bharu (Kelantan).

Rafidah kini memperolehi 70 pencalonan manakala Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mendapat 49, termasuk enam hari ini dari bahagian Pasir Puteh (Kelantan), Baling, Jerlun dan Kubang Pasu (Kedah) serta Besut dan Hulu Terengganu (Terengganu).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula kini mendapat 71 pencalonan, termasuk lima hari ini dari bahagian Setiu, Besut, Langkawi, Kuala Nerus dan Kota Bharu.

Ketua Wanita Perak, Aionon Khariyah Mohd Abas, kini mendapat 34 pencalonan, termasuk tiga hari ini manakala penyandang jawatan, Datuk

Napsiah Omar pula 15.